



IBU Chin Shin, Lee Siew Eng (kanan) ditenangkan ahli keluarga ketika menuntut mayat anaknya di bilik mayat Hospital Kuala Lumpur, semalam.

Tak pulang lepas jemput kekasih

Kuala Lumpur: Dua pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah antara mangsa yang maut dalam naas bas di Genting Highlands, kelmarin.

Sia Chin Shin, 22, dan kekasihnya, Kwan Chin Yii, 22, adalah pelajar tahun dua sains komputer dikatakan menaiki bas henti-henti berkenaan untuk pulang semula ke ibu kota.

Kakak ipar Chin Shin, Yun Bao Ing, 28, berkata, ketika kejadian mangsa yang berasal dari Tampin, Negeri Sembilan pergi ke Genting Highlands untuk mengambil teman wanita (Chin Yii) yang bekerja sambilan di Genting High-

“Kami tahu mendiang pergi ke Genting Highlands untuk mengambil teman wanitanya, tetapi tidak mengetahui mereka menaiki bas itu”

Yun Bao Ing

lands.

“Kami tahu mendiang pergi ke Genting Highlands untuk mengambil teman wanitanya, tetapi tidak mengetahui mereka menaiki bas itu (yang terbabit dalam kemalangan).

“Bagaimanapun, Chin Shin tidak pulang ke rumah menyebabkan kami mula

berasa bimbang.

“Pada awalnya, kami cuba menghubungi mendiang namun tiada jawapan. Kemudian kami pergi ke Genting Highlands untuk mencarinya, tetapi tidak berjumpa,” katanya kepada media, di sini semalam.

Justeru, Bao Ing bersama ahli keluarga mendiang mengambil keputusan untuk datang ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi mendapatkan kepastian.

“Ibu mendiang sudah membuat pengecaman dan mendapati Chin Shin sudah tiada (meninggal dunia),” katanya.

Difahamkan, terdapat kecederaan serius pada kepala dan leher Chin Shin manakala tiada maklumat lanjut mengenai Chin Yii yang berasal dari Segamat, Johor.

FOTO: EFFENDYRASHID



BARANG milik mangsa kemalangan dibawa naik, semalam.